

**BAB TIGA**

**KEWUJUDAN**  
**ALAM SEMESTA**  
**MENURUT**  
**AL-QUR'AN**

## **KEWUJUDAN ALAM SEMESTA MENURUT AL-QUR'AN**

### **3.1 Pengenalan**

3

Al-Qur'an diturunkan kepada manusia adalah sebagai sebuah kitab yang mengandungi petunjuk, bukannya sebuah kitab yang membicarakan tentang hal-hal saintifik atau falsafah. Ia memandu seseorang insan untuk hidup menurut perintah Allah.<sup>113</sup> Kepercayaan kita kepada Allah tidak bergantung kepada penemuan ayat-ayat al-Qur'an yang menjelaskan tentang perkara-perkara saintifik. Namun agak menakjubkan apabila diteliti ayat-ayat al-Qur'an banyak sekali terdapat penjelasan-penjelasan saintifik tentang fenomena-fenomena alam terutamanya tentang penciptaan alam semesta. Banyak sekali firman-firman Allah yang bersamaan dengan penemuan-penemuan saintifik yang terkini, walaupun ayat-ayat Allah diturunkan lebih dari 15 kurun yang lalu.



Al-Qur'an menggalakkan manusia untuk memerhatikan alam semesta. Pemerhatian kepada alam semesta akan mendorong manusia untuk mengenali hakikat kewujudan mereka dan sekaligus menginsafi tujuan penciptaan mereka. Melalui pemerhatian ini juga manusia akan sedar hak dan tanggungjawab mereka ke atas alam.

---

<sup>113</sup> Majid Ali Khan (1979), *Islam on Origin and Evolution of Life*, Delhi : Idarah-I Adabiyat-I Delli, C. 2, h. 162

Firman Allah S.W.T :

وَسَخْرَ لَكُمْ مَا فِي السَّمَاوَاتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ جَمِيعاً إِنَّ فِي ذَلِكَ  
لَذِكْتِ لِقَوْمٍ يَتَفَكَّرُونَ

Maksudnya :

“Dan Ia memudahkan untuk (faedah dan kegunaan) kamu, segala yang ada di langit dan yang ada di bumi, (sebagai rahmat pemberian) daripadaNya; sesungguhnya semuanya itu mengandungi tanda-tanda (yang membuktikan kekuasaanNya) bagi kaum yang memikirkannya dengan teliti”.

(Al-Jāthiyah (45) : 13)

Menurut sejarah, di Eropah, sains dan agama seringkali bercanggah. Kitab-kitab suci terdahulu telah diubahsuai dan diterjemahkan menurut citarasa penguasa agama sehingga menjadikan gereja menyamakan sains dengan sihir. Saintis dan pemikir Eropah terpaksa menolak agama dan menerima pemikiran sekular bagi menurut usaha pengejaran saintifik mereka.<sup>114</sup> Kepatuhan kepada agama hanya akan menyekat penemuan-penemuan saintifik jika ianya dianggap tidak selari dengan kitab-kitab suci seperti yang berlaku kepada teori heliosentrik<sup>115</sup>, di mana pihak gereja menghukum gantung Galileo Galilei kerana mempertahankan pendapatnya itu.<sup>116</sup>

Al-Qur'an tidak memperincikan bagaimana mula-mula wujudnya alam ini.

Nabi Adam diutuskan ke bumi setelah semuanya sudah sedia lengkap untuk

<sup>114</sup> Mohamad Ilyas (2001), *Op. Cit.*, h. 3-4

<sup>115</sup> Iaitu pendapat bahawa Bumi mengelilingi matahari bukan sebaliknya

<sup>116</sup> Sulaiman Noordin (1981), *Sains Barat Modern dan Percanggahannya dengan Islam*, Kuala Lumpur : Virtue Publications, C. 3, h. 23

dihuni. Namun penciptaan manusia telah disebut dengan terperinci di dalam al-Qur'an walaupun manusia pada waktu itu masih belum mempunyai pengetahuan tentangnya.

### 3.2 Aspek-aspek penciptaan di dalam al-Qur'an

Al-Qur'an banyak menyentuh tentang topik penciptaan alam. Ayat-ayat yang menyatakan hal ini didapati bertaburan di dalam surah-surah tertentu berbeza dengan kitab Bible.<sup>117</sup> Bible mengkhususkan satu surah<sup>118</sup> iaitu Genesis<sup>119</sup>, yang menerangkan tentang penciptaan alam.<sup>120</sup>

Keterangan al-Qur'an tentang kejadian atau proses penciptaan alam juga amat berbeza dengan kitab Bible. Di dalam Bible, proses penciptaan alam dinyatakan satu persatu iaitu dari hari pertama sehingga ke hari ke enam ia diciptakan. Juga dinyatakan dengan jelas di dalam Bible objek mana yang diciptakan dahulu.<sup>121</sup> Di dalam al-Qur'an ayat-ayat yang menerangkan tentang penciptaan alam ini adalah tidak secara terus tetapi harus ditafsirkan dengan teliti terlebih dahulu.

---

<sup>117</sup> Maurice Bucaille (1978), *La Bible, le Coran et la Science*, Terj. The Bible, The Qur'an and Science, Alastair D. Pannell dan Maurice Bucaille, Indianapolis : American Trust Publications, h. 133-134

<sup>118</sup> Disebut sebagai buku atau book (*Book of Genesis*)

<sup>119</sup> Versi pertama Kitab Perjanjian Lama (Wasiat Lama) yang menghuraikan kejadian dunia. Hajah Noresah bt. Baharom, e.d. et.al (1996), *Op. Cit.*, h. 391

<sup>120</sup> Maurice Bucaille (1978), *Op. Cit.*, h. 22-32

<sup>121</sup> *Ibid.*, h. 134-135

Namun secara umumnya terdapat beberapa aspek penting tentang penciptaan alam yang dapat diuraikan di sini. Jadual di bawah membariskan 13 aspek-aspek penciptaan yang dinyatakan di dalam al-Qur'an.

Jadual 3.2

(Aspek-aspek Penciptaan di dalam al-Qur'an)

Bil.	Aspek-aspek Penciptaan	Dalil-dalil Al-Qur'an
1.	Ada pencipta	al-A'�ā (87) : 1-3, al-Furqān (25) : 2, Yāsīn (36) : 82, al-Dukhān (44) : 8-9, al-Ahqāf (46) : 3, al-An'ām (6) : 101
2.	Langit dan bumi asalnya satu	Al-Anbiyā' (21) : 30
3.	Alam dicipta dengan tujuan	Al-Dukhān (44) : 38 – 39 Al-Ahqāf (46) : 3, al-Anbiyā' (21) : 16 & 17, al-Rūm (30) : 8, Ṣād (38) : 27, al-Dukhān (44) : 38, al-Zariyāt (51) : 56
4.	Mula ciptaan dari asap	Fuṣṣilat (41) : 11
5.	Alam dicipta dari air	Al-Anbiyā' (21) : 30
6.	Cakerawala-cakerawala dicipta sebelum bumi	al-Nāzi'at (79) : 27 – 30
7.	Langit dicipta tujuh lapis	Al-Mulk (67) : 3
8.	Alam dicipta dalam 6 masa	Al-Furqān (25) : 59
9.	Alam semesta mengembang	Al-Zāriyāt (51) : 47
10.	Bumi sebagai pusat alam	al-Mursalāt (77) : 25
11.	Letupan besar	al-Wāqi'ah (56) : 4-6
12.	Alam ada akhir	Al-Nāhl (16) : 77
13.	Penciptaan semula alam semesta	Al-Anbiyā' (21) : 104

### 3.2.1 Ada pencipta

Allah menyatakan dengan jelas di dalam al-Qur'an bahawa Dialah yang mencipta alam ini. Terdapat banyak ayat-ayat al-Qur'an yang menjelaskan perkara ini.<sup>122</sup>

Firman Allah :

بَدِيعُ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ

Maksudnya :

"(Dialah) yang menciptakan langit dan bumi."

(Al-An'ām (6): 101)

Perkataan *bādī'u* bermaksud 'yang membuat sesuatu untuk pertama kali tanpa ada sesuatu yang sama dengannya, yang wujud sebelumnya'.<sup>123</sup> Perkataan *bādī'u* sebagai salah satu sifat Allah menunjukkan dengan jelas bahawa Allah sebagai pemula atau perkara yang paling awal bagi sesuatu kejadian dan tidak ada sesuatu yang mendahuluiNya.

Dengan menyatakan alam semesta ini mempunyai pencipta juga bermaksud bahawa alam semesta dicipta dan bukan wujud secara

<sup>122</sup> Lihat surah al-A'lā (87) : 1-3, al-Furqān (25) : 2, Yāsīn (36) : 82, al-Dukhān (44) : 8-9, al-Ahqāf (46) : 3

<sup>123</sup> Mohd. Ilyas (2001), *Op. Cit.*, h. 33

semulajadi atau dengan sendirinya. Ini menunjukkan bahawa alam adalah dicipta dari tiada kepada ada.

Imam Al-Rāzī<sup>124</sup> menyatakan bahawa sebelum penciptaan langit dan bumi (iaitu sistem suria), tidak terdapat cahaya. Alam semesta adalah gelap kerana belum wujud matahari. Cahaya kepada alam semesta ('ruang' pada masa itu) yang gelap berasal dari cahaya Allah (*nur* seperti yang disebut dalam al-Qur'an : Allah adalah cahaya kepada langit dan bumi)<sup>125</sup>

Sayyid Qutb menegaskan Tuhan mewujudkan alam daripada tiada. Al-Qur'an menggunakan hakikat 'penciptaan' sebagai landasan untuk tolak bayangan syirik. Sambungan kepada ayat ini menjelaskan tentang perkara ini.<sup>126</sup>

### 3.2.2 *Langit dan bumi asalnya adalah satu (bercantum)*

◆◆◆

Firman Allah :

أَوْلَمْ يَرَ الظِّينَ كَفَرُوا أَنَّ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضَ كَانُتا رَتْقًا فَفَسَقُتُهُمْ

<sup>124</sup> Abū 'Abdullah Muḥammad bin 'Umar bin al-Ḥusayn bin al-Ḥasan bin 'Ali, terkenal dengan gelaran Fakh al-Dīn al-Rāzī, dilahirkan pada 544 H dan merupakan tokoh yang terkemuka di bidang tafsir. Muḥammad Ḥusayn al-Dhahabī (t.t), *Al-Tafsīr wa al-Mufassirūn*, Sharīkah Dār al-Arqām bin Abī al-Arqām : Beirut, j. 1, h. 191

<sup>125</sup> Al-Fakhr al-Rāzī (t.t), *al-Tafsīr al-Kabīr*, Dār Ibyā' al-Turāth al-'Arabi : Beirut, C.3, h. 85

<sup>126</sup> Sayyid Qutb (2000), *Op. Cit.* j. 5, h. 334

Maksudnya :

“Dan tidakkah orang-orang kafir itu memikirkan dan mempercayai bahawa sesungguhnya langit dan bumi itu pada asal mulanya bercantum (sebagai benda yang satu), lalu Kami pisahkan antara kedua-duanya ?

:

(Al-Anbiyā' (21) : 30)

Perkataan *ratq* diterjemahkan sebagai ‘dijahit atau dicantum kepada’ yang bermaksud ‘dicampurkan ke dalam setiap satu, digaul bersama’. Ia digunakan untuk merujuk kepada dua bahan yang berbeza yang menjadikan sesuatu itu satu. *Fatq* pula bermaksud ‘dikoyakkannya’ memberi maksud sesuatu yang wujud hasil dari mengoyak atau memusnahkan struktur *ratq*.<sup>127</sup>

Menurut al-Qāsimī<sup>128</sup> maksud *ratq* ialah tidak menurunkan hujan dan tidak menumbuhkan tumbuhan. *Fatq* pula bermaksud menurunkan hujan dan mengeluarkan tumbuhan. Menurut al-Qāsimī lagi istilah *ratq* dan *fatq* hanyalah satu kiasan (*isti 'arah*).<sup>129</sup>

Menurut Ibn ‘Abbas, langit dan bumi asalnya adalah satu. Kemudian Allah memisahkan di antara keduanya dengan udara (*hawā*)<sup>130</sup>.

<sup>127</sup> Harun Yahya (2000), *Op. Cit.*, h. 16

<sup>128</sup> Beliau ialah Jamāl Dīn al-Qāsimī, seorang ulama tafsir yang masyhur di kalangan ulama Syam. Beliau lahir pada tahun 1866 M dan meninggal dunia pada tahun 1914 M.

<sup>129</sup> Muhammād Jamāl al-Dīn al-Qāsimī (1959), *Tafsīr al-Qāsimī al-Musammā Maḥāsin al-Ta'wīl*, c.1, Kaherah : ‘Isā al-Bābī al-Ḥalabī wa Syarikāh & Dār Ibyā’ al-Kutub al-'Arabiyyah, j. 11, h. 4266

<sup>130</sup> Abū Ḥayyān al-Andalusī (1987), *Tafsīr al-Nahr al-Mād min al-Baḥr al-Muhiṭ*, Beirut : Dār al-Jinān & Mu'assasah al-Kutub al-Thaqafiyah, j.2, b.1, h.459

Pendapat ini turut dikongsi oleh Dr. Wahbah al-Zuhaylī di dalam kitab tafsirnya.<sup>131</sup>

Ibn Kathīr<sup>132</sup> pula berpendapat bahawa langit dan bumi ini asalnya adalah bersambung<sup>1</sup> dan melekat antara satu sama lain. Kemudian ia dipisahkan, langit menjadi tujuh dan bumi menjadi tujuh. Kemudian langit dunia dan bumi dipisahkan dengan udara. Proses ini menurunkan hujan dari langit dan membolehkan bumi menumbuhkan tumbuhan.<sup>133</sup>

Imam Al-Rāzī mengemukakan pendapat beberapa orang sahabat dan menyatakan persetujuan beliau terhadap pendapat-pendapat ini. Pendapat yang pertama menyatakan bahawa bumi dan langit asalnya satu kemudian Allah pisahkan di antara keduanya dengan mengangkat langit seperti sekarang dan mengekalkan kedudukan bumi. Beliau juga bersetuju dengan pendapat kedua iaitu kemudiannya Allah jadikan kedua-duanya tujuh lapis. Pendapat ketiga yang diterima beliau ialah pendapat Ibn Abbas, Al-Ḥasan dan kebanyakan ahli tafsir iaitu kedua-dua langit dan Bumi asalnya sama, rata (keras) dan tidak pecah lalu Allah pisahkan supaya hujan dapat turun dari langit begitu juga pokok-pokok akan tumbuh dari permukaan Bumi.<sup>134</sup>

<sup>131</sup> Wahbah al-Zuhaylī (1991), *al-Tafsīr al-Munīr fī al-‘Aqīdah wa al-Syārī‘ah wa al-Manhaj*, Beirut : Dār al-Fikr al-Mu‘āṣir & Dimasyq : Dār al-Fikr , j.17, h.44

<sup>132</sup> Ismā‘il bin ‘Amrū bin Kathīr bin Daw‘ bin Kathīr bin Zar‘, dilahirkan pada tahun 700 H dan wafat pada 773 H. Kitab tafsirnya dianggap sebagai kitab tafsir yang kedua paling muktabar di dalam bidang tafsir. Muhammad Ḥusayn al-Dhahabī (t.t), *Op. Cit.*, h. 162

<sup>133</sup> Ismā‘il bin Kathīr al-Qurāṣī al-Dimasyqī (t.t), *Tafsīr al-Qur‘ān al-‘Aẓīm*, Kaherah: ‘Isā al-Bābī al-Ḥalabī wa Syarākhā & Dār Iḥyā’ al-Kutub al-‘Arabiyyah Ibn Kathir, j. 3, h. 176-177

<sup>134</sup> Fakh al-Dīn al-Rāzī (t.t), *Op. Cit.*, j. 22, h. 162-163

Al-Syanqītī<sup>135</sup> di dalam tafsirnya mengemukakan lima pendapat ulama<sup>136</sup> :

1. Bumi dan langit adalah satu. Apabila kedua-duanya dipisahkan Bumi dikekalkan kedudukannya, manakala langit ditinggikan dan dijarakkan dari bumi. Kedua-duanya dipisahkan dengan udara.
2. Tujuh buah langit pada asalnya adalah satu. Ia melekat antara satu sama lain sebelum dipisahkan menjadi tujuh. Bagi setiap dua lapis langit tersebut terpisah dengan lapisan lain begitu juga dengan Bumi.
3. Maksud *ratq* ialah langit tidak menurunkan hujan dan Bumi pula tidak mengeluarkan tumbuhan, lalu Allah memecahkan langit dengan hujan dan Bumi dengan tumbuhnya tanam-tanaman.
4. Kedua-dua langit dan Bumi dalam keadaan *ratq* (gelap) lalu Allah memisahkan antara keduanya dengan cahaya. Pendapat ini sebenarnya merujuk kepada pendapat yang pertama dan kedua.
5. Pendapat yang terakhir ini agak berbeza dari yang lain. *Ratq* bermaksud tiada manakala *fatq* bermaksud ada. Dengan maksud Bumi dan langit asalnya tiada lalu Allah menciptakan kedua-duanya.

Menurut al-Syanqītī pendapat ketiga adalah yang paling kuat dan disokong oleh dalil al-Qur'an.<sup>137</sup>

<sup>135</sup> Beliau ialah Muḥammad al-Amīn bin Muḥammad al-Mukhtār bin Abd. Al-Qadir bin Muḥammad bin Ahmad Nuh bin Muḥammad bin Sayyid Ahmad bin al-Mukhtar al-Jiknī al-Syanqītī dilahirkan pada 1905 M di sebuah daerah bernama Syinqit.

<sup>136</sup> Muḥammad al-Amīn bin Muḥammad al-Mukhtār al-Jiknī al-Syanqītī (1965), *Aḍwā' al-Bayān fi Idāh al-Qur'añ bi al-Qur'añ*, Kaherah : Maṭba'ah al-Madani, j.4, h. 612-614

<sup>137</sup> *Ibid.*

Sayyid Qutb<sup>138</sup> di dalam menyatakan hal ini berpendapat bahawa teori falak yang ada hari ini tidak bersalah dengan nas al-Quran yang ternyata lebih dan telah lama mendahului teori tersebut.<sup>139</sup> Beliau bagaimanapun tidak memberi huraian lanjut tentang makna *fatq* dan *ratq*. Menurut beliau, keyakinan umat Islam pada hakikat ini (*ratq* dan *fatq*) adalah semata-mata kerana ia dijelaskan di dalam al-Qur'an. Ia boleh diterima kerana tidak bersalahan dengan hakikat umum di dalam al-Qur'an, walaupun kita tidak tahu bagaimana langit dan Bumi itu dipisahkan.<sup>140</sup>

### 3.2.3 *Alam dicipta dengan tujuan*

Allah menegaskan di dalam Al-Qur'an<sup>141</sup> bahawa alam semesta ini diciptakan dengan tujuan-tujuan tertentu.

Firman Allah S.W.T. :

وَمَا خَلَقْنَا الْسَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضَ وَمَا بَيْنَهُمَا لَدَعْيَينَ ﴿٧﴾ مَا خَلَقْنَاهُمَا إِلَّا  
بِالْحَقِّ وَلَكِنَّ أَكْثَرَهُمْ لَا يَعْلَمُونَ

<sup>138</sup> Beliau ialah Sayyid Qutb Ibrahim Husin Shazali. Dilahirkan di Mesir pada tahun 1906 M dan meninggal dunia pada 1966 M. Beliau merupakan tokoh pejuang Islam yang unggul dan terlibat dengan gerakan Ikhwan al-Muslimin. Akhir hayat beliau adalah di tali gantung kerana dituduh ingin menggulingkan kerajaan.

<sup>139</sup> Sayyid Qutb (t.t), *FI Zilāl al-Qur'ān*, Beirut : Dār Ihyā' al-Turāth al-'Arabī, j. 17, h.24

<sup>140</sup> *Ibid.*, h. 38

<sup>141</sup> Lihat surah Al-Ahqaf (46) : 3, al-Anbiyā' (21) : 16 & 17 , al-Rūm (30) : 8, Ṣad (38) : 27, al-Dukhān (44) : 38, al-Zariyāt (51) : 56

Maksudnya :

“Dan tidaklah Kami menciptakan langit dan Bumi serta segala yang ada di antara keduanya, secara main-main. Tidaklah Kami menciptakan keduanya (serta segala yang ada di antaranya) melainkan kerana menzahirkan perkara-perkara yang benar; akan tetapi kebanyakan mereka tidak mengetahui (hakikat itu)”

(Al-Dukhān (44) : 38 – 39)

Keseluruhan ciptaan Allah adalah diasaskan menurut kehendakNya sendiri. Inilah sebenarnya hakikat asas kepada segala ciptaan.<sup>142</sup> Setiap ciptaan yang ada tidak akan wujud jika Allah tidak mengizinkannya.

Di dalam penciptaan pula wujud satu tahap atau peringkat-peringkat. Ciptaan yang pertama ialah ruang yang mungkin tidak bermatra (*dimensionless*) yang dikatakan syurga, kemudian diciptakan malaikat, jin dan segala makhluk ghaib, diikuti dengan ciptaan alam semesta iaitu ruang yang bermatra (*dimensional*), seterusnya hidupan-hidupan lain dan akhir sekali manusia. Manusia merupakan kemuncak kepada tahap penciptaan. Selepas manusia dicipta, ciptaan-ciptaan yang baru tidak wujud lagi hanya perkembangan dan perubahan kepada ciptaan tadi.<sup>143</sup>

Manusia merupakan makhluk Allah yang paling mulia. Manusia merupakan makhluk yang paling akhir diwujudkan kerana Allah menyediakan segala kemudahan untuk manusia sebelum mereka diciptakan. Segala ciptaan Allah yang ada adalah diwujudkan untuk

---

<sup>142</sup> Zakaria Awang Soh (1990), *Op.Cit.*, h.46

<sup>143</sup> *Ibid.*

manusia mentadbir, menguruskannya dan mengeksplorasi sepenuhnya untuk kemudahan manusia.

Iqbal<sup>144</sup> juga menegaskan bahawa penciptaan manusia dan alam semesta bukan tanpa tujuan dan main-main<sup>145</sup>. Penciptaan manusia merupakan satu realiti yang perlu diambil berat oleh manusia dan realiti ini tidak mampu dicapai oleh manusia secara keseluruhannya tanpa cahaya Ilahi.<sup>146</sup>

Menurut Sayyid Qutb, alam ini diciptakan Allah dengan hikmah yang tertentu, bukan sekadar untuk bermain-main dan berhibur semata-mata. Penciptaan alam ini mempunyai tujuan yang serius selaras dengan pengutusan rasul-rasul, penurunan kitab-kitab suci, penetapan fardhu-fardhu dan pensyariatan taklif-taklif.<sup>147</sup>

### 3.2.4 Mula ciptaan dari asap

Firman Allah S.W.T :

ثُمَّ أَسْتَوِي إِلَى السَّمَاءِ وَهِيَ دُخَانٌ

<sup>144</sup> Mohamad Iqbal merupakan seorang tokoh pemikir Islam yang terkenal. Dilahirkan di Punjab, India pada 22 Februari 1873. Beliau banyak menghasilkan puisi-puisi sufi.(S.Abul Hasan Ali Nadwi, *Glory of Iqbal*, Lucknow : Academy of Islamic Research and Publications)

<sup>145</sup> Mohamad Iqbal (1984), *The Reconstruction of Religious Thought in Islam*, New Delhi : Kitab Bhavan, C. 3, h. 10

<sup>146</sup> *Ibid.*, h. 19 - 20

<sup>147</sup> Sayyid Qutb (2000), *Op. Cit.*, h. 26

Maksudnya :

“Kemudian Dia menuju ke langit dan langit itu masih merupakan asap;”

(Fuṣṣilat (41) : 11)

Ayat tersebut menunjukkan bahawa wap atau apa yang menjadikan wap itu dari molekul-molekul dan atom-atom adalah benda material pertama yang wujud di alam semesta.<sup>148</sup> Menurut Dr. Mansour Hassab el-Naby<sup>149</sup>, kewujudan peringkat pertama alam semesta iaitu ‘asap’ bermaksud dahulu keadaan alam semesta adalah bergas atau berasap.<sup>150</sup>

Firman Allah seterusnya :

فَقَضَيْنَا لَهُنَّ سَبْعَ سَمَوَاتٍ فِي يَوْمَيْنِ

Maksudnya :

“Lalu Ia menjadikannya tujuh langit, dalam dua masa .....

(Fuṣṣilat (41) : 12)

Ayat ini menunjukkan selepas kewujudan asap tadi barulah dijadikan langit-langit. Setelah itu barulah seluruh sistem suria diciptakan.

---

<sup>148</sup> Mohamad Ilyas (2001), *Op. Cit*, h. 24

<sup>149</sup> Dr. Mansour Hasab el-Naby merupakan seorang profesor fizik di Universiti Ain Shams, Mesir.

<sup>150</sup> Dr. Mansour Hassab el-Naby (1990), *The Glorious Qur'an and Modern Science*, Kaherah : General Egyptian Book Organisation, h. 118

Firman Allah S.W.T :

وَزَيْنَاهُ السَّمَاءَ الْأَدُنِيَا بِمَصَبِّيَّحٍ وَحِفْظًا

Maksudnya :

“Dan Kami hiasi langit yang dekat (pada pandangan mata penduduk bumi) dengan bintang-bintang yang bersinar cemerlang serta memelihara langit itu dengan sebaik-baiknya...”.

(Fuṣṣilat (41) : 12)

وَكَانَ عَرْشَهُ عَلَى الْمَاءِ تُمْضِيَّنَةً إِلَيْهِ الْمُؤْمِنُونَ

Menurut Abu Ḥayyān tumpuan ialah pada ayat yang bermaksud bahawa arasy Allah itu di atas air. Allah menciptakan langit dari air yang terpeluwap ke atas (*dukhān*) dan menjadikan Bumi dari buih-buih yang kekal di atas permukaan air yang kemudiannya membeku.<sup>151</sup> Ibn Kathīr juga menyatakan ia adalah air yang terpeluwap ketika diciptakan Bumi.<sup>152</sup> Ini bermaksud bahawa *dukhān* yang dinyatakan di dalam ayat merupakan wap air bukannya ~~asap~~.

Imam Al-Rāzī turut sepandapat dengan Abu Ḥayyān. Teori itu menyatakan bahawa Allah menjadikan langit daripada *ajzā' muẓlimah* (atom gelap). Pendapat ini adalah logik kerana semasa Allah mencipta langit dan semua planet, ia di dalam keadaan gelap. Selepas itu barulah Allah menjadikan mereka bercahaya. Al-Rāzī berpendapat makna *al-*

<sup>151</sup> Abu Ḥayyān (1987), *Op. Cit.*, h.882-883

<sup>152</sup> Ibn Kathīr (t.t), *Op. Cit.*, j.4, h.93

*dukhān* ialah sesuatu yang berterbur, tidak membentuk atau bersambung antara satu sama lain dan tidak pula berbahaya.<sup>153</sup>

Al-Qāsimī di dalam tafsirnya juga menyatakan bahawa *dukhān* bermaksud sesuatu yang gelap, iaitu keadaan sebelum langit dan bumi serta bulan dan matahari diciptakan. Setelah diciptakan semua planet termasuk matahari barulah dunia ini berbahaya. Antara lain beliau banyak membawa pendapat ulama dan ahli falak yang tidak bercanggah dengan al-Qur'an.<sup>154</sup>

Sayyid Qutb mengemukakan teori *sadīm* atau nebula sebagai takrifan kepada *dukhān*. Ia mungkin sahih sebab ia paling hampir dengan maksud ayat di atas.<sup>155</sup> Al-Zuhaylī pula menyifatkan ia sebagai *Kutlah ghaziyah muçlimah tusybihu al-dukhān* (kelompok gas yang gelap menyerupai asap) iaitu sama dengan nebula.<sup>156</sup> Dr. Muhammad Jamāl al-Dīn al-Fandī mengatakan maksud *dukhān* sebagai gas.<sup>157</sup>

### 3.2.5 Alam dicipta dari air

Firman Allah S.W.T. :

وَجَعَلْنَا مِنَ الْمَاءِ كُلَّ شَيْءٍ حَيٍّ

<sup>153</sup> Al-Rāzī (t.t), *Op. Cit.*, j. 27, h. 104

<sup>154</sup> Al-Qāsimī (1959), *Op. Cit.*, j.14, h.5189-5190

<sup>155</sup> Sayyid Qutb (2000), *Fī Zilāl al-Qur'ān*, Terj. Yusoff Zaky Haji Yacob, Kota Bharu : Pustaka Aman Press Sdn Bhd, j. 24, h. 119

<sup>156</sup> Wahbah al-Zuhaylī (1991), *Op. Cit.*, h. 70

<sup>157</sup> Jamāl al-Dīn al-Fandī (1972), *Al-Kawn : Bayna al-'Ilm wa al-Dīn*, Mesir : Matabi' al-Ahram al-Tijariyyah h. 70. Lihat juga Ahmad Muhyi al-Dīn al-'Ajūz (1987), *Ma'ālim al-Qur'ān fī 'Awālim al-Akwān*, Beirut : Dar al-Nadwah al-Jadīdah, h. 147

Maksudnya :

“..... dan Kami jadikan dari air, tiap-tiap benda yang hidup.”

(Al-Anbiyā’ (21) : 30)

Allah menjelaskan bahawa kehidupan diciptakan dari air. Terdapat juga ayat al-Qur'an yang menyebut bahawa air dicipta sebelum penciptaan langit dan Bumi.<sup>158</sup> Ini bermakna bahawa air wujud sebagai hasil dari proses kondensasi dalam gas-gas yang wujud sebelum penciptaan Arasy, langit dan Bumi. Ini juga menunjukkan bahawa semasa proses pembentukan langit dan Bumi, air kekal samada dalam bentuk wap di dalam atmosfera atau dalam bentuk cecair di lautan-lautan dan sungai-sungai contohnya.<sup>159</sup>

Sayyid Qutb di dalam mengulas tentang ayat ini menempelak ahli-ahli sains yang memberikan sanjungan yang tinggi kepada Darwin kerana menemui bahawa air adalah buaian *hayat* yang pertama. Beliau tidak menolak teori evolusi Darwin mengenai perkara ini kerana ia tidak bertentangan dengan konsep yang diterangkan al-Qur'an. menurut beliau lagi, keselarasan sains dengan al-Qur'an bukan sebagai menambahkan lagi keyakinan kepada al-Qur'an kerana sebagai umat Islam, kita seharusnya telah yakin akan kebenarannya tanpa bantuan sains.<sup>160</sup>

---

<sup>158</sup> Surah Hūd (11) : 7

<sup>159</sup> Majid Ali Khan (1979), *Op. Cit.*, h. 167

<sup>160</sup> Sayyid Qutb (2000), *Op. Cit.*, h. 38

### 3.2.6 Cakerawala-cakerawala dicipta sebelum Bumi

Menurut al-Qur'an, Allah mencipta cakerawala-cakerawala terlebih dahulu, selepas itu baru diciptakan Bumi.

3

Firman Allah S.W.T. :

عَادُمُمْ أَشْدُّ خَلْقًا أَمِ الْشَّمَاءُ بَنَنَهَا رَفَعَ سَمْكَهَا فَسَوَّنَهَا وَأَغْطَشَ لَيْلَهَا وَأَخْرَجَ ضَحْنَهَا وَالْأَرْضَ بَعْدَ ذَلِكَ دَحَنَهَا

Maksudnya :

"(Wahai golongan yang ingkarkan kebangkitan hidup semula !) Kamukah yang sukar diciptakan atau langit? Tuhan telah membinanya (dengan kukuh)!. Ia telah meninggikan bangunan langit itu lalu menyempurnakannya. Dan Ia menjadikan malamnya gelap gelita, serta menjadikan siangnya terang benderang. Dan bumi sesudah itu dihamparkannya (untuk kemudahan penduduknya)"

(al-Nāzi'at (79) : 27 – 30)

Ayat ini menunjukkan bahawa Allah mencipta langit dan bumi serta menjadikan siang dan malam terlebih dahulu sebelum diciptakan manusia. Dengan menyebut siang dan malam juga bermaksud penciptaan matahari dan bulan kerana objek ini adalah penyebab kejadian siang dan malam.

### 3.2.8 *Langit dicipta tujuh lapis*

Firman Allah S.W. T :

الَّذِي خَلَقَ سَبْعَ سَمَاوَاتٍ طَبَاقًا

Maksudnya :

“Dialah yang telah mengaturkan kejadian tujuh petala langit yang berlapis-lapis...”

(Al-Mulk (67) : 3)

Menurut pengertian ilmu sains, langit ialah segala yang ada di sekeliling benda-benda yang terdiri dari bintang-bintang dan kumpulan-kumpulan sistem suria.<sup>161</sup>

Al-Qur'an menyebut tentang penciptaan langit sebanyak tujuh lapis. Sains moden turut mengesahkan perkara ini melalui observasi ke atas sistem galaksi.<sup>162</sup> Sesetengah ulama tafsir seperti Ibn Kathīr<sup>163</sup> berpendapat bahawa Bumi juga dijadikan tujuh lapis, namun sehingga ke hari ini kenyataan ini belum ditemui oleh saintis.<sup>164</sup>

Walaupun al-Qur'an banyak menyebut tentang penciptaan tujuh langit, namun tidak dapat dipastikan kepentingan tujuh langit. Tidak dapat ditentukan samada nombor tujuh bermaksud jumlah langit yang

<sup>161</sup> Abdul Razzaq Naufal (1979), *Allah Dari Segi Ilmu Pengetahuan Modern*, terj. Halimuddin S.H, Singapura : Pustaka Nasional Pte Ltd, h. 13

<sup>162</sup> Dr. Mansour Hassab el-Naby (1990), *Op. Cit.*, h. 118

<sup>163</sup> Ibn Kathīr (t.t), *Op. Cit.*, h. 176

<sup>164</sup> Dr. Mansour Hassab el-Naby (1990), *Op. Cit.*, h. 118

sebenarnya atau ia merujuk kepada kejamakan langit. Adakah ia merujuk kepada tujuh alam semesta atau tujuh galaksi. Bagaimanapun nombor tujuh menunjukkan idea kejamakan, kebesaran dan kehebatan ciptaan Tuhan.<sup>165</sup>

3

Sayyid Qutb berpendapat bahawa perkataan tujuh langit di dalam ayat ini tidak dapat dipastikan maksudnya berdasarkan teori-teori astronomi kerana ia tidak mutlak dan mungkin boleh berubah dengan penciptaan alat-alat teknologi yang baru. Namun bagi umat Islam, cukup sekadar mengetahui adanya tujuh langit dan tujuh langit itu berlapis-lapis dan bertingkat-tingkat mengikut jarak-jarak jauhnya yang berbeza-beza.<sup>166</sup>

Al-Qur'an menyebut tentang langit dan langit-langit di dalam lebih dari 300 ayat. Langit-langit bererti segala yang berada di atas kita termasuk di dalamnya ruang angkasa (atmosfera) yang padanya terdapat awan-awan yang bermacam-macam sifatnya.<sup>167</sup>

Perkataan langit pula<sup>168</sup> memberi makna angin, Bumi dan udaranya.<sup>169</sup> Semua langit-langit itu (yang tujuh) menandakan bahawa alam dunia sebenarnya sangat lapang.<sup>170</sup>

<sup>165</sup> Afzalur Rahman (1981), *Quranic Sciences*, Singapura : Pustaka Nasional Pte Ltd., h. 44

<sup>166</sup> Sayyid Qutb (2000), *Op. Cit.*, j. 16, h. 230

<sup>167</sup> el-Fandy (1980), *Op. Cit.*, h. 31

<sup>168</sup> al-Baqarah (2) : 19, 22, 29, 59, 144, 164

<sup>169</sup> el-Fandy (1980), *Op. Cit.*, h. 32

<sup>170</sup> Abdul Razzaq Naufal (1979), *Op. Cit.*, h. 144

### 3.2.9 Alam dicipta dalam enam masa

Firman Allah S.W.T. :

الَّذِي خَلَقَ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضَ وَمَا بَيْنَهُمَا فِي سِتَّةِ أَيَّامٍ

Maksudnya :

“Tuhan yang menciptakan langit dan Bumi serta segala yang ada di antara keduanya, dalam enam masa ....”

(Al-Furqān (25) : 59)

Di dalam al-Qur'an terdapat tujuh ayat<sup>171</sup> yang menerangkan sejarah penciptaan langit dan Bumi, di mana ia menyebut tempoh penciptaan selama enam masa.<sup>172</sup>

Al-Qur'an menyatakan dengan jelas bahawa alam semesta ini diciptakan di dalam masa enam 'hari'. 'Hari' yang dimaksudkan merujuk kepada pelbagai peringkat dalam evolusi fizikal, kimia dan sifat biologikal alam semesta. Seperti di dalam penciptaan alam ini satu 'hari' mungkin sama dengan beribu-ribu tahun.<sup>173</sup>

<sup>171</sup> Lihat surah al- A'rāf (7) : 54, Hūd (11) : 7, al-Sajdah (32) : 4, Qāf (50) : 38, Yūnūs (10) : 3, Furqān (25) : 59, al-Hādi (57) : 4

<sup>172</sup> Abdullah al-Qari Hj. Salleh (1985), *Revolusi Menjaga Masa Menurut al-Qur'an*, Kota Bharu : Pustaka Asa, h. 11

<sup>173</sup> Lihat surah Al-Hajj (22) : 47

Tambahan pula perkataan beribu-ribu tahun di sini tidak digunakan dalam maksud literal tetapi untuk menunjukkan masa yang lama. Dalam ayat lain<sup>174</sup> perbandingan satu hari disamakan dengan 50,000 tahun kita.<sup>175</sup>

Hari di mana<sup>176</sup> Allah menciptakan langit dan Bumi adalah berbeza dengan hari-hari di Bumi yang terjadi hasil dari peredaran Bumi mengelilingi matahari. Penciptaan Allah tidak memerlukan waktu kecuali iradatNya. Mungkin masa enam hari ini ialah masa berlakunya tahap-tahap perkembangan dalam jarak-jarak yang berjauhan pada kejadian langit dan Bumi sehingga ke tahap yang ada sekarang.<sup>176</sup>

Terdapat perbahasan mengenai maksud *ayyam* di dalam ayat di atas. Menurut Ibn Kathīr, jumhur ulama berpendapat hari itu seperti hari-hari di dunia. Tapi pendapat Ibn ‘Abbas, al-Ḍahhak dan Ka‘ab al-Aḥbār sehari menyamai seribu tahun. Pendapat inilah yang diterima oleh Imam Aḥmad bin Ḥanbal.<sup>177</sup>

Menurut Sayyid Qutb, hari-hari Allah, di mana Dia menciptakan langit dan Bumi, tentulah berlainan dari hari-hari manusia di Bumi kerana hari di Bumi berdasarkan peredaran Bumi mengelilingi matahari. Ia merupakan ukuran masa peredaran falakiyah yang wujud selepas diciptakan langit dan Bumi. Penciptaan Allah tidak memerlukan waktu

<sup>174</sup> Lihat surah Al-Mu’minūn (23) : 82, al-Ankabūt (29) : 19

<sup>175</sup> Mohd Ilyas (2002), *Op. Cit.*, h. 103

<sup>176</sup> Sayyid Qutb (2000), *Op. Cit.*, h. 558

<sup>177</sup> Ibn Kathīr (1988), *Bidāyah al-Khalq*, Beirut : Dar al-Kitab al-‘Arabī, C. 2, h. 62

kecuali IradatNya yang dilambangkan dengan sepatah kata *kun* (jadilah).<sup>178</sup>

### 3.2.11 Alam semesta mengembang

3

Firman Allah S.W.T. :

وَالسَّمَاءَ بَنَيْنَاهَا بِأَيْنِيدٍ وَإِنَّا لَمُوْسِعُونَ

Maksudnya :

“ Dan langit itu Kami dirikan dengan kekuasaan Kami (dalam bentuk binaan yang kukuh rapi). Dan sesungguhnya Kami adalah mempunyai kekuasaan yang luas tidak terhingga.”

(Al-Zāriyāt (51) : 47)

Perkataan *lamūsiūn* di dalam ayat diterjemahkan sebagai ‘Kami mempunyai kekuasaan’. Namun sesetengah ulama’ menafsirkan perkataan *lamūsiūn* sebagai ‘Kami memperluaskannya’, iaitu dengan maksud mengembang. Menurut Dr. Mansour Hasab’ el Naby, sesetengah penterjemah yang tidak memahami konsep pengembangan memberikan terjemahan yang salah. Contohnya mereka memberikan makna “Kami memberi dengan banyak” walaupun perkataan ‘*mūsiūn*’ di dalam bahasa Arab bermakna “menjadikan lebih luas, lebih lapang, mengembang”<sup>179</sup>

<sup>178</sup> Sayyid Qutb (2000), *Op. Cit.*, j. 11, h. 558

<sup>179</sup> Dr. Mansour Hassab el-Naby (1990), *Op. Cit.*, h. 329

Iqbal menyatakan bahawa ia diciptakan sebegitu sehingga ia mampu untuk perluasan.<sup>180</sup> Ia bukan satu alam sementara berbentuk blok, satu hasilan yang siap, tidak bergerak dan tidak mampu untuk berubah.<sup>181</sup>

Menurut Abu' Hasan Ali, perkataan *lamūsiūn* boleh diterjemahkan sebagai memperluaskan atau mengembang iaitu selaras dengan teori sains bahawa alam semesta mengembang.<sup>182</sup> Menurut beliau perkataan *lamūsiūn* biasanya ditafsirkan sebagai benar-benar luas yang dirujukkan kepada kuasa Tuhan.<sup>183</sup>

Menurut Abu Ḥayyān ayat tersebut dinyatakan dalam *jumlah hāliyyah* bermaksud dengan memperluaskannya dan Bumi seolah-olah pusat antara unsur-unsur yang mengelilinginya seperti air dan udara.<sup>184</sup>

Menurut Ibn Kathīr ia bermaksud “Kami perluaskan seluruh pelusuknya dan Kami tinggikannya tanpa tiang sehingga ia boleh berdiri sendiri terasing dari bumi”.<sup>185</sup> Al-Qāsimī pula menyatakan bahawa ia bermaksud “Kami berkuasa memperluaskannya sebagaimana Kami telah meluaskan binaannya”.<sup>186</sup>

---

<sup>180</sup> Lihat surah Fātir (35) :1

<sup>181</sup> Mohamad Iqbal (1984), *Op. Cit.*, h. 10

<sup>182</sup> Abu Hassan Ali (2002), *Op. Cit.* j. 1, h. 59

<sup>183</sup> *Ibid.*, j. 2, h. 18

<sup>184</sup> Abu Ḥayyān (1987), *Op. Cit.*, h.1003

<sup>185</sup> Ibn Kathīr (t.t), *Op. Cit.*, j.4, h.237

<sup>186</sup> Al-Qāsimī (1959), *Op. Cit.*, j.15, h.5534-5535

Imam Al-Rāzī pula mengemukakan 3 maksud<sup>187</sup> mengenai perkataan tersebut iaitu :

1. Luas
2. Berkuasa
3. Berkuasa memberi rezeki kepada makhlukNya.

Sayyid Qutb menjelaskan bahawa ia bermaksud bintang-bintang yang begitu besar dan berjuta-juta jumlahnya itu bertaburan luas di angkasa raya sama ada langit itu dianggap satu lapisan (yang pertama) sahaja atau maksud lain.<sup>188</sup> Pandangan Al-Zuhaylī pula agak berbeza iaitu beliau mengatakan bahawa ia bermaksud ‘Kami berkuasa menciptakan langit dan selainnya’.<sup>189</sup>

### *3.2.12 Bumi sebagai pusat alam*

Firman Allah S.W.T. :

اللَّهُمَّ نَجْعَلِ الْأَرْضَ كِفَاعًا

Maksudnya :

“Bukankah Kami telah menjadikan Bumi (sebagai tempat) penampung dan penghimpun (penduduknya) ?”

(al-Mursalāt (77) : 25)

<sup>187</sup> Al-Rāzī (t.t.), *Op. Cit.*, j. 28, h. 227. Lihat juga Dr. Muḥammad Jamāl al-Dīn al-Fandī (1972), *Op. Cit.*, h. 62

<sup>188</sup> Sayyid Qutb (2000), *Op. Cit.*, j. 27, h. 25

<sup>189</sup> Wahbah al-Zuhaylī (1991), *Op. Cit.*, j..27, h.41-42

Bumi adalah pusat alam. Ayat ini bagaimanapun tidak menolak tentang wujudnya makhluk Allah di langit dan di Bumi selain dari manusia. Namun penumpuan pada ayat-ayat al-Qur'an adalah ditujukan kepada manusia dan Bumi sahaja.<sup>190</sup> Ciptaan alam semesta ini adalah untuk manusia<sup>191</sup> dan manusia itu sendiri adalah ciptaan Allah yang terunggul<sup>192</sup>

### 3.2.13 Letusan besar di dalam al-Qur'an

Firman Allah S.W.T. :

إِذَا رُجَّتِ الْأَرْضُ رَجًا ﴿٤﴾ وَبَسَّتِ الْجِبَالُ بَسًا ﴿٥﴾ فَكَانَتْ هَبَاءً مُّبِينًا

Maksudnya :

"(Ia berlaku) semasa Bumi bergoncang dengan sesungguh-sungguh goncangan. Dan gunung-ganang dihancur leburkan dengan selebur-leburnya. Lalu menjadilah ia debu yang bertebaran".

al-Wāqi‘ah (56) : 4-6

Ketika berlakunya kiamat digambarkan dengan satu gambaran yang sangat hebat dan dahsyat di dalam al-Qur'an<sup>193</sup>. Pada masa itu segala-gala yang ada di langit dan di Bumi akan hancur dan luruh. Bumi terbelah, gunung ganang bergerak menjadi debu dan langit turut terbelah.

<sup>190</sup> Zakaria Awang Soh (1990), *Op. Cit.*, h. 94

<sup>191</sup> Lihat surah al-Isrā' (17) : 70

<sup>192</sup> Zakaria Awang Soh (1990), *Op. Cit.*, h. 116

<sup>193</sup> Lihat surah Qāf (50) : 44, Tūr (52) : 10, Tāhā (20) : 105 - 107, al-Hāqāh (69) : 13-16

Letupan besar di dalam al-Qur'an menggambarkan keadaan yang berlaku apabila *sur* atau sangkakala ditiup oleh Israfil menandakan hari Kiamat. Pada masa ini segala yang ada di alam semesta akan hancur dan musnah.

3

### 3.2.14 Alam ada akhir

Firman Allah S.W.T :

وَمَا أَمْرُ السَّاعَةِ إِلَّا كَلَمْحَ الْبَصَرِ أَوْ هُوَ أَقْرَبُ

Maksudnya :

"Dan tiadalah hal kedatangan hari Kiamat itu melainkan seperti sekilip mata, atau ia lebih cepat lagi."

(Al-Nahl (16) : 77)



Kejadian akhiran alam semesta ini (bukan proses ke arah kejadian akhiran, tetapi kejadian akhiran itu sendiri) adalah cepat dan mungkin secepat kejadian awalnya.<sup>194</sup> Peniupan sangkakala kali pertama mungkin membawa kepada keruntuhan alam semesta dan peniupan kali kedua adalah penciptaan semula. Masa antara dua kejadian ini (tiupan sangkakala) tidak disebut di dalam al-Qur'an. Kita tidak tahu bila alam semesta akan berakhir.

---

<sup>194</sup> Zakaria Awang Soh (1990), *Op. Cit.*, h.. 54

### *3.2.15 Penciptaan semula alam semesta*

Firman Allah S.W.T :

يَوْمَ نَطُوِيُ الْسَّمَاءَ كَطَنِيَ الْيَسْجُلُ لِلْكُتُبِ كَمَا بَدَأْنَا أَوْلَ خَلْقٍ تَعِيدُهُ

Maksudnya :

“(Ingatlah) hari Kami menggulung langit seperti menggulung surat catatan; sebagaimana Kami mulakan wujudnya sesuatu kejadian, Kami ulangi wujudnya lagi;”

( Al-Anbiyā’ (21) : 104)

Penciptaan semula alam ini diragukan oleh sesetengah golongan kerana secara rasionalnya sesuatu yang musnah atau mati tidak akan hidup dan bersatu semula. Allah menghapuskan keraguan manusia tentang bagaimana sesuatu yang sudah musnah boleh diwujudkan semula melalui ayat-ayat di dalam al-Qur'an.<sup>195</sup>

Menciptakan semula alam semesta ini selepas kehancurannya adalah perkara yang mudah bagi Allah, apatah lagi Dia berkuasa menjadikan sesuatu itu dari tiada kepada ada.

Sayyid Qutb di dalam kitabnya menyatakan bahawa tiba-tiba langit tergulung sama seperti penjaga buku-buku

---

<sup>195</sup> Lihat surah al-Isrā’ (17) : 99, Al-Qiyāmah (75) : 3-4

menggulungkan lembarannya. Tamatlah urusan dunia dan berakhirlah tayangan itu. Alam yang dihayati manusia telah digulung dan tiba-tiba muncullah sebuah alam yang baru.<sup>196</sup>

3

### 3.3 Penutup

Walaupun al-Qur'an banyak memperkatakan tentang penciptaan alam, yang kebanyakannya menyebut tentang penciptaan langit dan Bumi, ayat-ayat mengenainya bertaburan di dalam berbagai-bagai surah. Aspek-aspek penciptaan juga berada di dalam bentuk yang tidak jelas, yang perlu diteliti dan dikaji terlebih dahulu.

Manusia perlu sentiasa memahami gaya dan bahasa al-Qur'an bersamaan juga dengan melihat tanda-tanda dari alam untuk mencecah maksudnya. Kefahaman tanda-tanda dari alam melalui cerapan dan ilmu sains sentiasa berubah-ubah, maka pentafsiran ayat-ayat al-Qur'an yang berkait dengan fenomena alam juga boleh berubah-ubah.<sup>197</sup>

Umat Islam tidak harus tersilap menggunakan sains untuk membuktikan kebenaran al-Qur'an kerana al-Qur'an itu benar dari Allah samada wujud atau tidak ilmu sains. Tetapi dengan berhati-hati kita boleh menunjukkan kehebatan al-

---

<sup>196</sup> Sayyid Qutb (2000), *Op. Cit.*, h. 11, h. 104-105

<sup>197</sup> Dr. Abd. Halim Abd. Aziz, Kertas Kerja Seminar Usuluddin, *Op. Cit.*, h. 1

Qur'an dengan menggambarkan yang ia tidak diciptakan oleh manusia kerana ia memperkatakan tentang ilmu yang belum diketahui pada zaman ia diturunkan.<sup>198</sup>

---

<sup>198</sup> Sulaiman Noordin ( 1981), *Op. Cit.*, h. 9